

Headline	Jangkitan HIV ada kaitan dengan risiko serangan jantung Kajian		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	09 Mar 2013	Color	Black/white
Section	Dunia/Asean	Circulation	29,826
Page No	8	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	103 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 212
Frequency	Daily	PR Value	RM 636



Jangkitan HIV ada kaitan dengan risiko serangan jantung: Kajian

WASHINGTON: Orang yang positif HIV mempunyai risiko serangan jantung kira-kira 50 peratus, kata satu kajian yang mengesahkan penemuan terdahulu.

Kajian ini melibatkan 82,459 veteran AS, majoritinya adalah lelaki. Ia disiarkan dalam Arkib Perubatan Dalaman, sebuah penerbitan Jurnal Persatuan Perubatan Amerika.

Ia berkata, dalam tiga kumpulan umur, kadar purata serangan jantung adalah konsisten dan jauh lebih tinggi untuk orang yang positif HIV, berbanding veteran yang tidak dijangkiti.

Selepas pelarasan bagi penyakit, merokok, pengambilan alkohol dan faktor-faktor risiko seperti tekanan darah tinggi dan kolesterol, subjek positif HIV dalam kajian ini mempunyai risiko 50 peratus lebih tinggi serangan jantung berbanding orang yang

tidak dijangkiti.

Penyelidikan ini diketuai oleh Matthew Freiberg dari Sekolah Perubatan Universiti Pittsburgh.

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa pengaktifan kronik sistem imun kerana jangkitan HIV sebelum terapi antiretroviral dilihat menyebabkan keradangan yang mempercepatkan proses penuaan dan menyebabkan seseorang lebih terdedah kepada penyakit seiring dengan penuaan.

Satu kajian yang diterbitkan pada Julai oleh JAMA menunjukkan bahawa orang yang positif HIV mempunyai dua kali ganda risiko serangan jantung atau strok berbanding orang yang tidak dijangkiti. Pengarang kajian mengaitkan peningkatan risiko tersebut dengan keradangan arteri. - AFP